



TEKS UCAPAN ALUAN

**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**MAJLIS BERSAMA KETUA ISI RUMAH (KIR)
PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN TEGAR
KELUARGA MALAYSIA (BMTKM)
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR FASA 1 2022
"BERSAMA MENJANA EKONOMI KELUARGA MALAYSIA"**

**25 SEPTEMBER 2022 (AHAD)
5.30 PETANG**

**KOMPLEKS KOMUNITI MUHIBBAH
PPR KAMPUNG MUHIBBAH KUALA LUMPUR**

Assalamu'alaikum WBT dan salam sejahtera. Alhamdulillah.

1. Terlebih dahulu marilah kita menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah izinNya, dapat kita semua bersama-sama di Majlis Bersama Ketua Isi Rumah (KIR) Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Fasa 1 2022 "Bersama Menjana Ekonomi Keluarga Malaysia" petang ini.

2. Bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan, suka saya merakamkan ucapan terima kasih di atas kesudian tetamu kehormat kita, yang juga sahabat baik saya iaitu YB Dato' Sri Mustapa Mohamed untuk hadir melancarkan majlis ini.

3. Usaha kerajaan ke arah pembasmian kemiskinan tidak pernah terhenti, malah pelaksanaan program memerangi kemiskinan sudah pun bermula semenjak kemerdekaan dicapai dan ia digariskan dalam pelbagai agenda nasional.

4. Terkini, YAB Perdana Menteri dalam pembentangan RMK-12 pada 27 September 2021 mengumumkan bahawa kerajaan akan melaksanakan program pembasmian kemiskinan menggunakan pendekatan '*whole of nation approach*' berdasarkan penyelesaian kemiskinan secara bersasar dan memahami keperluan pada peringkat akar umbi.

5. Kerajaan Keluarga Malaysia ini cukup responsif terhadap keperluan rakyat, bahkan kami di Kementerian Wilayah Persekutuan sangat komited memberikan kualiti kehidupan yang terbaik kepada rakyat Wilayah Persekutuan. Kami sedang berusaha meningkatkan pendapatan KIR untuk melepasi pendapatan garis kemiskinan (PGK) dan seterusnya mereka dapat keluar daripada kepompong kemiskinan.

6. Kami di KWP cukup berbangga, iltizam mencapai sasaran sifar miskin tegar di Wilayah Persekutuan menjelang akhir 2022, lebih cepat daripada sasaran kebangsaan iaitu 2025.

7. Dalam merealisasikan iltizam untuk mencapai sifar miskin tegar ini, Unit Kemiskinan ditubuhkan di peringkat Kementerian, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL). Justeru itu, KWP melalui Unit Kemiskinan telah melaksanakan gerak kerja yang luar biasa iaitu pemutihan data secara agresif dalam Pangkalan Data Kemiskinan Nasional eKasih.

8. KWP dengan kerjasama Majlis Agama Wilayah Persekutuan (MAIWP), Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa berganding bahu dalam memastikan bantuan yang diberikan kepada golongan miskin tegar ini mencukupi.

9. Ingin saya tegaskan bahawa satu pihak sahaja tidak akan berjaya membasmi kemiskinan. Maka jutaan penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan strategik KWP iaitu Unit Perancang Ekonomi serta ICU JPM; MAIWP; JKMs; PERKESO; Universiti Malaya; Universiti Putra Malaysia; Universiti Malaysia Sabah; dan juga Yayasan Wilayah Persekutuan.

10. Pada Jun tahun ini, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM6.06 juta di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) di Wilayah Persekutuan bagi empat lokaliti di Kuala Lumpur iaitu PPR Kerinchi (seramai 57 KIR); PA Desa Rejang (34 KIR); PPR Kampung Muhibbah (33 KIR); dan PPR Taman Mulia (seramai lapan KIR).

11. Sementara di Labuan, RM3.03 juta peruntukan disalurkan bagi dua lokaliti iaitu di Kampung Sungai Bedaun (seramai 29 KIR) serta Kampung Patau-Patau 1 dan 2 (seramai 18 KIR).

12. Program pembasmian ini dirangka bagi meningkatkan pendapatan KIR berdasarkan minat keusahawanan mereka dengan bimbingan dan latihan berterusan. Alhamdulillah, hasil kerjasama erat bersama rakan-rakan strategik kita,

seramai 40 orang dari keempat-empat lokaliti di Kuala Lumpur akan menerima peralatan keusahawanan pada hari ini.

13. Kami di pihak kerajaan, amatlah berharap agar semua penerima-penerima bantuan dapat memanfaatkan program ini sebaiknya dan memberikan komitmen sepenuhnya agar mereka dapat keluar terus dari kepompong kemiskinan.

14. Akhir kalam, ingin saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada sahabat saya, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed kerana hadir bersama-sama dengan kita pada hari ini. Bagi pihak KWP, terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat dan rakan-rakan strategik yang banyak memberi kerjasama dan membantu dalam menjayakan pelaksanaan Program BMTKM ini.

15. Semoga kerjasama strategik ini akan berterusan dengan cemerlang pada masa-masa yang akan datang. Dengan itu, saya sudahi dengan Wabilahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum WBT. Sekian, terima kasih.